

Analisa Terhadap Operasi Dan Prestasi  
Penyertaan Simpanan Umat Islam Dalam  
Tabung Haji Pada Tahun-Tahun 80an.

oleh

Sh. Ameelia Akma Bt. Mohd Ramly  
Shahida Bt. Shaari

Kertas projek yang dikemukakan kepada  
Kajian Pentabiran Dan Undang-Undang,  
Institut Teknologi MARA, Shah Alam,  
Selangor untuk memenuhi sebahagian dari  
syarat untuk memeprolehi Diploma  
Pentadbiran Awam.

November 1991

## KANDUNGAN

	Mukasurat
Penghargaan	i
Surat Laporan	iii
Abstrak	v
<b>BAB 1 : Latar Belakang.</b>	
Pengenalan Tentang Tabung Haji	1
Tujuan Dan Matlamat	10
Konsep Penyertaan Dan Simpanan	15
Konsep Kualitatif - Objektif Dan Kepentingan Kajian	18
Profail Demografi / Metodologi	22
<b>BAB 2 : Analisa Data Prima</b>	24
<b>BAB 3 : Analisa Data Sekunder.</b>	
Operasi Dan Prestasi Jabatan Kewangan Dan Pelaburan	53
Bahagian Simpanan Dan Pengeluaran	58
Cawangan Pelaburan	63
Anak-Anak Syarikat Tabung Haji	72
<b>BAB 4 : Rumusan Data</b>	81
Kesimpulan	89
Cadangan Dan Implementasi	91
Lampiran / Soal Selidik	94
Bibliografi	

## ABSTRAK

Kajian ini adalah merupakan suatu gambaran secara keseluruhan terhadap prestasi dan operasi Tabung Haji. Ianya bertujuan untuk membantu pihak Tabung Haji menarik lebih ramai umat Islam bergiat dalam aktiviti pelaburan dan simpanan tanpa riba, selain dapat menunaikan ibadat haji dengan lebih sempurna.

Di samping itu juga, pihak kami cuba mengesan beberapa kelemahan dari segi pengurusan Tabung Haji (meliputi aspek kewangan, pelaburan dan aktiviti-aktiviti anak syarikat).

Begitu juga kejayaan yang telah dicapai oleh Tabung Haji dari aspek kualitatif dan juga kuantitatif berdasarkan jumlah penyimpan dan simpanan yang dibuat.

Dari tinjauan yang telah dijalankan, didapati bahawa jumlah simpanan meningkat akibat pertambahan bilangan jemaah haji dari tahun ke tahun. Tetapi masih ramai umat Islam yang tidak menyedari wujudnya Tabung Haji yang berfungsi sebagai sebuah institusi kewangan dan pelaburan yang menguntungkan. Untuk itu pihak kami telah menggariskan beberapa cadangan bagi membantu pihak Tabung Haji mengatur strategi baru ke arah peningkatan kesedaran umat Islam terhadap operasi-operasi yang dijalankan.

Kami juga mendapati teknik-teknik promosi yang diamalkan oleh Tabung Haji masih kurang berkesan. Penggunaan media massa yang luas liputan adalah perlu bagi membantu menyelesaikan permasalahan ini.

Walaupun keuntungan Tabung Haji meningkat dari masa ke semasa, tetapi pada hakikatnya masih terdapat ketidakselarasan antara bilangan penyimpan dan jumlah simpanan yang dibuat.

Berdasarkan kepada kajian ini, kami berharap dapat membantu pihak Tabung Haji menyelesaikan beberapa masalah melalui penemuan-penemuan beberapa cadangan yang telah digariskan.

## 1.1 LATARBELAKANG KAJIAN

### Pengenalan Terhadap Tabung Haji

LEMBAGA URUSAN DAN TABUNG HAJI (TABUNG HAJI) merupakan sebuah perbadanan yang ditubuhkan oleh kerajaan di bawah Akta 8, 1969 dan dikelolakan di bawah Jabatan Perdana Menteri. Perbadanan ini ditubuhkan atas syor Profesor Di Raja Ungku Aziz dari Universiti Malaya. Pada awalnya, dari kajian didapati bahawa umat Islam di tahun-tahun 50an mengamalkan simpanan secara tradisi tanpa dikembangkan dan ini bertentangan dengan prinsip ekonomi Islam di mana wujudnya pembekuan wang.

Maksud Surah At-Taubah : 24

"Bagi mereka yang menimbunkan harta benda dan tidak membelanjakan ke jalan Allah, maka katakanlah wahai Muhammad bahawa mereka akan diberi balasan iaitu azab siksa yang pedih."

Ayat ini menjelaskan bahawa Islam melarang pembekuan harta kerana ia tidak mendatangkan faedah kepada ekonomi. Amalan ini boleh menyekat pengaliran wang dalam ekonomi hingga menimbulkan ketidakseimbangan dalam pemilikan harta dan menjejaskan kestabilan ekonomi.

Alasan terhadap amalan penyimpanan wang secara tradisi ini adalah semata-mata untuk memastikan bahawa wang yang